

Malaysia, main peranan

UM 11 AUG 03

Oleh ROZILAN SALLEH DAN AZIAH JAAFAR

KUALA LUMPUR 10 Ogos — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia akan terus memainkan peranan utama dalam usaha memupuk keamanan dunia.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, negara ini juga akan terus menonjolkan isu-isu berkaitan prinsip sejagat serta menyentuh undang-undang dan institusi sesebuah negara.

“Saya memberi jaminan sepenuhnya bahawa Malaysia akan terus berperanan penting ke arah proses keamanan,” katanya ketika menutup Persidangan Keamanan Dunia Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan persidangan dua hari itu semalam.

Menurut Abdullah, Malaysia juga akan terus menawarkan bantuan dalam membina keyakinan serta mengenal pasti penyelesaian yang sepatutnya diambil dalam menangani konflik.

Katanya, dalam usaha mencari penyelesaian konflik,

Malaysia menggunakan sepenuhnya pengalaman menerusi pendekatan diplomatik yang mencerminkan ketamadunan Asia.

“Kita berjaya memastikan wujudnya keamanan, tinggal sebagai satu bangsa dalam negara yang berbeza kepercayaan dan etnik, membolehkan kita mempelajari daripada konflik antarabangsa.

“Di bawah (kepimpinan) Dr. Mahathir, Malaysia dihormati negara-negara lain terutama daripada dunia Islam dan negara-negara selatan,” katanya.

● Laporan persidangan di muka 5

Menurutnya, semua faktor berkenaan serta peranan sebagai pengerusi kepada Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) selepas ini, membolehkan Malaysia memainkan peranan memupuk keamanan.

Abdullah berpendapat, Malaysia tetap memerlukan sokongan berterusan daripada pelbagai pihak walaupun berjaya memainkan peranan di peringkat antarabangsa ke arah memupuk keamanan dunia.

pupuk keamanan

Pendapat masyarakat dunia dalam menentang peperangan mesti diambil kira dan diiktiraf dunia, tegasnya.

“Kekuatan manusia mungkin tidak dapat menghalang peperangan ke atas Iraq, tetapi hari ini terdapat segelintir negara tertentu memutuskan untuk menyokong peperangan,” katanya.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan bahawa perkara penting dalam memupuk keamanan ialah mengamalkan pendekatan toleransi dan sederhana yang merupakan cabaran kepada semua pihak.

“Saya secara peribadi berusaha memastikan keganasan dan kegiatan radikal tidak akan berakar umbi di Malaysia.

“Ini akan menjadi tugas penting dalam beberapa tahun akan datang setelah kita menyaksikan bagaimana meningkatnya pengaruh agama membawa banyak kesan kepada tindak-tanduk orang ramai sama ada yang baik atau yang buruk.

“Selain itu, pengajaran agama juga boleh disalahgunakan untuk membohongi masyarakat ke arah mencetuskan keganasan dan konflik,” jelasnya.

Beliau juga meminta semua pihak tidak tersalah anggap dalam usaha memainkan peranan utama untuk memupuk keamanan.

Menurutnya, kegagalan-kegagalan dalam menangani keganasan, memupuk keamanan di kalangan generasi muda, hidup dengan nilai-nilai mulia bersama keluarga, menyebabkan usaha menentang konflik boleh dianggap sebagai lemah.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyampaikan Anugerah Pencapaian Seumur Hidup (Lifetime Achievement Award, kepada bekas presiden Republik Czech, Vaclav Havel atas sumbangannya dalam memupuk keamanan.

Anugerah itu diterima oleh Duta Republik Czech di Malaysia, Dr. Vitezslav Grepl.

Sebelum ini, Presiden Perancis, Jacques Chirac telah dipilih menerima Anugerah Keamanan Dunia Kuala Lumpur pada 22 Julai lepas sempena lawatannya ke negara ini.

Anugerah Keamanan Dunia Kuala Lumpur itu adalah sebagai mengiktiraf dedikasi cemerlang Chirac terhadap penyelesaian konflik secara aman.